

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR



JANUARI - DISEMBER 2017



BENGKEL PENETAPAN HALA TUJU, PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN DAN KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA PEJABAT PENDAFTAR

20 - 22 Januari 2017, Langkawi, Kedah - Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kompotensi serta menetapkan hala tuju jabatan seiring dengan keperluan universiti. Perubahan ekosistem pendidikan tinggi negara yang pesat menuntut warga universiti untuk lebih peka terhadap hala tuju strategik bagi memastikan matlamat dan objektif universiti dicapai. Ianya juga dapat meningkatkan *engagement* di kalangan warga Pejabat Pendaftar di mana mereka telah dibahagikan kepada 10 kumpulan *mentoring* yang terdiri daripada : Merah, Kuning, Merah Jambu, Biru, Oren, Ungu, Putih, Kelabu, Hijau dan Coklat.

Program ini juga diadakan bagi mengkaji proses dan menambahbaik perkhidmatan untuk menggirangkan pelanggan yang berurusan di samping memastikan penyampaian perkhidmatan Pejabat Pendaftar *effective, efficient* dan *economic*.

Program ini melibatkan seluruh staf Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada gred VU6 hingga gred N11/ H11 berjumlah 157 orang bagi memastikan sinergi daripada staf Pejabat Pendaftar dalam mendokong aspirasi universiti. Bagi menghargai sumbangan dan pencapaian staf BPD sesi penyampaian Anugerah Bahagian Terbaik, *Employee Of The Year* dan Kumpulan *Mentoring* Terbaik telah disampaikan oleh Pendaftar.





AUDIT PERSIJILAN SIRIM ISO 9001:2015 PEJABAT PENDAFTAR



9-10 Januari 2017, Bilik Sidang, Canseleri Syed Sirajuddin - Sesi audit telah berlangsung selama dua (2) hari ke atas Sistem Pengurusan Kualiti (SPQ) Pejabat Pendaftar meliputi prosedur pengurusan, operasi dan sistem sokongan yang melibatkan dua (2) orang Auditor SIRIM. Alhamdulillah, hasil sokongan padu Pengurusan Atasan UiTM serta komitmen yang tidak berbelah bagi oleh warga Pejabat Pendaftar, Persijilan ISO 9001:2015 telah diberikan berkuatkuasa mulai 13 Januari 2017.



PERUTUSAN PENTADBIRAN 2017

23 Januari 2017, Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) - Perutusan Pentadbiran telah disampaikan oleh Pendaftar, Bendahari, ketua Perpustakawan dan beberapa orang Ketua Skim Perkhidmatan di UiTM. Program ini melibatkan semua warga pentadbir UiTM Shah Alam dan UiTM cawangan Selangor. Ianya merupakan wadah utama Ketua Pentadbir universiti untuk menyampaikan amanat bersempena tahun baru 2017. Program ini dapat menjadikan warga pentadbiran lebih jelas, cakna dan seterusnya bersedia untuk merealisasikan sasaran dan hala tuju yang ditetapkan.





Peserta Ultimate Race

ULTIMATE RACE UiTM 2017

18 Februari 2017, Cahaya SPK Puncak Perdana, Selangor - Seramai 200 peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada Staf Pentadbiran dan Akademik. Antara objektif utama program adalah untuk mengeratkan ukhwah serta memupuk semangat kekitaan di kalangan staf di seluruh sistem UiTM dan meningkatkan hubungan harmoni antara staf merentas jabatan, fakulti dan kampus.





TAKLIMAT TADBIR URUS UiTM, PERANCANGAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA DAN PELANCARAN HR2U

5 Jun 2017, Anjung Sri Budiman - Program ini telah dihadiri oleh Pengurusan Eksekutif, Pengurusan Kanan serta Ketua Pentadbiran universiti. Penerangan mengenai Tadbir Urus UiTM dan Perancangan Strategik Sumber Manusia telah disampaikan oleh Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Pendaftar UiTM.



Sumbangan Amal Warga Emas Bait Al-Mawadah

20 Jun 2017, Jalan Kebun, Seksyen 30 Shah Alam - Bulan Ramadhan Al-Mubarak telah disemarakkan lagi dengan aktiviti Corporate Social Responsibility. Sumbangan kepada warga emas di Bait Al-Mawaddah telah disampaikan oleh Naib canselor UiTM dan diiringi Pendaftar serta Ketua-ketua Bahagian, Pejabat Pendaftar.





Kajian Semula Pertengahan Tahun Sasaran Kerja Tahunan Pejabat Pendaftar

7 Julai 2017, Anjung Sri Budiman - Program ini telah dihadiri oleh semua Ketua Bahagian dan warga Pejabat Pendaftar. Ianya bertujuan untuk memastikan pencapaian Sasaran Tahunan Jabatan bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 menepati sasaran yang ditetapkan. Semakan dan penambahbaikan pelan tindakan turut dilaksanakan berdasarkan konsep :

S : Specific
M : Measurable
A : Achievable
R : Relevant
T : Timely




Sambutan Hari Raya Pejabat Pendaftar & Penolong Pendaftar

26 Julai 2017, Dewan Sri Budiman - Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2017 telah julung kalinya diadakan hasil kerjasama warga Pejabat Pendaftar dan Penolong-Penolong Pendaftar seluruh Sistem UiTM. Pelbagai juadah telah dihidangkan dan sambutan yang menggalakkan telah meriahkan lagi suasana majlis tersebut.





PROGRAM HUMAN RESOURCE WALK THROUGH (HRWT) 2017



HRWT merupakan program anjuran Pejabat Pendaftar bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai proses utama Pejabat Pendaftar terutamanya dalam aspek pengurusan sumber manusia. Selain itu, isu-isu semasa berkaitan pengurusan sumber manusia dapat dikenalpasti dan diselesaikan melalui sesi dialog dan klinik bersama Pendaftar. Program ini merangkumi sesi pembentangan Perancangan Strategik Sumber Manusia UiTM tahun 2016 - 2020, sesi dialog dengan peserta, simulasi pelaksanaan proses dan *trouble shooting*. Sebanyak enam (6) siri program telah dilaksanakan mengikut zon UiTM seperti berikut :

Program HR Walk Through	Tarikh
Zon Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang)	14-15 Mac 2017
Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan, Johor)	5-6 Julai 2017
Zon Utara (Pulau Pinang, Perak, Kedah, Perlis)	20-21 Julai 2017
Zon Sarawak (Samarahan I, Samarahan II, Mukah)	2-3 Ogos 2017
Zon Sabah	22-23 Ogos 2017
Zon Selangor Siri I (DATC, UiTM Shah Alam)	13-14 Oktorber 2017
Zon Selangor Siri II (DATC, UiTM Shah Alam)	24-25 Oktorber 2017



PROGRAM HUMAN RESOURCE WALK THROUGH (HRWT) 2017



Taklimat HRWT



Dialog bersama Pendaftar



Klinik bersama Pendaftar





HUMAN RESOURCE WALK THROUGH (HRWT) INTENSIVE COURSE

21 September 2017, Dewan Al-Gahzali, Pejabat Pendaftar - Program ini telah dihadiri oleh warga Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada pelbagai gred jawatan. Sesi perkongsian ilmu ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan serta keupayaan staf dalam pengurusan sumber manusia bagi memenuhi ekspektasi pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan Pejabat Pendaftar.



ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) UiTM 2017

7 Disember 2017, Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) - AKNC merupakan platform utama yang berupaya melonjak komitmen warga universiti terhadap pengurusan kualiti dan seterusnya memperlihatkan pencapaian keseluruhan penyampaian perkhidmatan Pejabat Pendaftar. Alhamdulillah Pejabat Pendaftar telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan AKNC 2017. Disamping itu, Pejabat Pendaftar juga telah berjaya merangkul kemenangan bagi kategori berikut :

- Bidang tumpuan Pembangunan Staf
- Kriteria Kepimpinan
- Kriteria Perancangan Strategik
- Kriteria Tumpuan kepada Sumber Manusia
- Kriteria Tumpuan kepada Operasi
- Johan Kategori Bahagian



SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat

Azida Azmi

Ketua Editor

Nor Hafizah Ibrahim

Editor

Noriah Mohamed Ali
Umaira Othman Koya

Pereka Grafik

Zailiyanti Zabidin

Foto

Pejabat Pendaftar

Edaran dan Terbitan

Bahagian Governan dan Sekteriat Universiti
Pejabat Pendaftar
Aras 3. Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA

 <https://pendaftar.uitm.edu.my>

10 Nilai & Etika Warga UiTM



Budaya PERDANA UiTM

Prinsip PERDANA 2.0

- 1. P Pantas dan Positif
- 2. E Empati
- 3. R Relevan
- 4. D Daya Saing
- 5. A Amanah, Adil dan Integriti
- 6. N Nilai Tambah dan Kelainan
- 7. A Arif dan Berilmu

Mutiara Kata.....

“Undang-undang adab dan budi pekerti membentuk kemerdekaan bekerja. Undang-undang akal membentuk kemerdekaan berfikir. Dengan jalan menambah kecerdasan akal, bertambah murnilah kemerdekaan berfikir.”

(Hamka)

 **UiTM di hatiku**

